

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1997/98

April 1998

SEW414 - Ekonomi Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN 1 (Wajib)** dan mana-mana **DUA (2)** soalan lain

Soalan 1

- (a) Huraikan prestasi dan isu-isu utama imbalan pembayaran Malaysia sejak tahun 1990.
- (b) Huraikan kesan krisis matawang yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini ke atas imbalan pembayaran dan ekonomi Malaysia.
- (c) Cadangkan dasar-dasar dan langkah-langkah yang sesuai digunakan untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran Malaysia semasa. Terangkan dengan jelas bagaimana dasar-dasar dan langkah-langkah yang dicadangkan dapat mengatasi masalah imbalan pembayaran Malaysia.

(40 markah)

Soalan 2

- (a) Dengan menggunakan pendekatan keanjalan, analisiskan kesan susut nilai ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang utama dunia ke atas ekonomi Malaysia.
- (b) Bagaimanakah syarat Marshall-Lerner boleh digunakan untuk menilaikan keberkesanan susut nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini?
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan "kesan keluk J"? Terangkan bagaimana kesan ini boleh berlaku?
- (d) Menurut pendekatan penyerapan, nyatakan jenis dasar yang diperlukan supaya penurunan nilai mata wang berjaya mengurangkan defisit akaun semasa sesebuah negara apabila ekonomi negara berkenaan beroperasi pada tingkat guna tenaga penuh.

(30 markah)

...2/-

Soalan 3

- (a) Kenalpastikan pendekatan-pendekatan yang sesuai bagi menerangkan pergerakan kadar pertukaran dalam (i) jangka masa pendek dan (ii) jangka masa panjang.
- (b) Terangkan bagaimana setiap pendekatan yang disenaraikan dalam (a) boleh menjelaskan pergerakan dalam kadar pertukaran.
- (c) Adakah anda bersetuju dengan kenyataan bahawa krisis mata wang yang melanda Malaysia disebabkan semata-mata oleh serangan spekulasi terhadap ringgit Malaysia? Berikan sebab-sebab.

(30 markah)

Soalan 4

- (a) Bezakan di antara spekulasi yang menstabilkan dan menyahstabilkan.
- (b) Bezakan dengan jelas di antara perlindungan nilai dan spekulasi dalam pasaran pertukaran asing.
- (c) Bagaimanakah arbitraj geografi boleh berlaku jika $RM3.6750 = USD1$ di Kuala Lumpur dan pada masa yang sama $RM3.7000 = USD1$ di New York? Dengan bantuan graf, terangkan peranan yang dimainkan oleh seseorang pengarbitraj dalam kes ini.
- (d) Andaikan kadar bunga ke atas bil perpendaharaan 3 bulan adalah 8% di London dan 6% di Kuala Lumpur (pada asas tahunan). Jika diskau ke hadapan 3 bulan ke atas paun sterling adalah 1%, hitungkan berapakah perolehan seorang pengarbitraj bunga terlindung daripada belian bil perpendaharaan 3 bulan jika dia melindungi risiko pertukaran asing? Bagaimana pula jika paun sterling berada pada premium hadapan 1%? Bagi setiap kes, tunjukkan dengan bantuan graf apa yang akan berlaku terhadap kadar pertukaran ringgit-paun sterling dan kadar bunga di Kuala Lumpur dan London hasil daripada kegiatan arbitraj bunga terlindung?

(30 markah)

Soalan 5

- (a) Huraikan struktur sistem kewangan antarabangsa kontemporari.
- (b) Sesetengah pemerhati telah menghuraikan sistem kontemporari sebagai "tiada sistem". Berikan sebab-sebab sama ada anda bersetuju atau tidak dengan kenyataan ini.
- (c) Berikan sebab-sebab mengapa bank-bank pusat bercampur tangan dalam pasaran pertukaran asing dalam sistem kewangan antarabangsa kontemporari?
- (d) Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sistematik di antara negara-negara yang memilih kadar pertukaran tetap dan negara-negara yang memilih kadar pertukaran terapung. Huraikan apakah perbezaan-perbezaan ini?

(30 markah)